

Bil. S 35

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PEKERJAAN (PINDAAN), 2012

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Pindaan bab 45 dari S 60/10.
 3. Pindaan bab 91.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH PEKERJAAN (PINDAAN), 2012

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pekerjaan (Pindaan), 2012 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Januari, 2011.

Pindaan bab 45 dari S 60/10.

2. Bab 45 dari Perintah Pekerjaan, 2009, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda dalam ceraihan (1), dengan memasukkan perenggan baru yang berikut sejurus selepas perenggan (h) —

“(ha) potongan caruman yang kena dibayar oleh seseorang majikan bagi pihak seseorang pekerja di bawah dan menurut peruntukan-peruntukan Perintah Pencen Caruman Tambahan, 2009 (S 38/10);”.

Pindaan bab 91.

3. Bab 91 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dalam ceraihan (1) —

(i) dalam perenggan (b)(ii), dengan memotong noktah dan menggantikannya dengan noktah bertindih;

(ii) dengan menambah proviso-proviso yang berikut —

“Dengan syarat bahawa dalam hal warganegara Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap, tiap-tiap pekerja perempuan adalah berhak untuk tidak hadir bekerja dalam —

(a) tempoh 2 minggu sejurus sebelum dia bersalin; dan

(b) tempoh 13 minggu sejurus selepas dia bersalin:

Dengan syarat selanjutnya bahawa dalam hal warganegara Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap, dan yang mengalami

kematian anak dalam kandungan 24 minggu atau ke atas, tiap-tiap pekerja perempuan itu adalah berhak untuk tidak hadir bekerja dalam —

(a) tempoh 2 minggu sejeurus sebelum dia bersalin; dan

(b) tempoh 6 minggu sejeurus selepas dia bersalin.”;

(b) dalam cerai (2) —

(i) dalam perenggan (b), dengan memotong noktah dan menggantikannya dengan noktah bertindih;

(ii) dengan menambah proviso-proviso yang berikut —

“Dengan syarat bahawa dalam hal warganegara Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap, tiap-tiap pekerja perempuan itu adalah berhak menerima pembayaran daripada majikannya pada kadar kasar gajinya bagi tempoh 2 minggu yang disebut dalam perenggan (a) proviso dalam cerai (1) dan 11 minggu pertama dari tempoh yang disebut dalam perenggan (b) proviso dalam cerai (1):

Dengan syarat selanjutnya bahawa dalam hal warganegara Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap, yang mengalami kematian anak dalam kandungan 24 minggu atau ke atas, tiap-tiap pekerja perempuan itu adalah berhak menerima pembayaran daripada majikannya pada kadar kasar gajinya bagi tempoh 8 minggu.”;

(c) dengan menambah dua cerai baru yang berikut —

“(5) Dalam bab ini, “warganegara Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap” bermakna seseorang warganegara Negara Brunei Darussalam atau seseorang penduduk tetap yang —

(a) merupakan seorang pekerja yang berkaitan dengannya caruman adalah kena dibayar oleh majikannya bagi pihak pekerja itu di bawah dan menurut peruntukan-peruntukan Akta Tabung Amanah Pekerja (Penggajian 167); dan

(b) telah berkahwin dengan sah atau telah berkahwin secara sah di bawah sebarang undang-undang bertulis.

(6) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah secara bertulis mengecualikan mana-mana pekerja atau golongan pekerja dari peruntukan cerai (5).”.

Diperbuat pada hari ini 1 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 24 haribulan Mac, 2012 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM